

KEBERKESANAN KAFE SIBER DAN APLIKASI TMK DI SK BERUAS TERHADAP PENINGKATAN PELIBATAN IBU BAPA DAN KOMUNITI (PIBK)

Shahril bin Othman
Guru Besar
SK Beruas, Beruas, Perak

ABSTRAK

Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK) merupakan sebahagian daripada elemen di dalam Program Sarana Sekolah. Pelibatan ibu bapa dan komuniti dengan sistem pembelajaran di sekolah sangat berkait rapat ke arah peningkatan pencapaian akademik murid-murid. Satu transformasi telah dibuat dengan cara mewujudkan kafe siber dan optimumkan aplikasi TMK di sekolah. Bagi menilai keberkesanan transformasi tersebut satu kajian telah dijalankan. Kajian yang berbentuk kuantitatif dengan menggunakan reka bentuk eksperimental ini menggunakan soal selidik yang diubahsuai daripada pengkaji terdahulu. Teknik persampelan rawak mudah digunakan dalam pemilihan unit analisis iaitu ibu bapa seramai 100 orang. Statistik deskriptif peratusan yang digunakan dianalisis melalui perisian SPSS versi 23. Dapatan menunjukkan pada awal kajian peratusan kehadiran ibu bapa dalam program sekolah hanya 77.21% manakala Ujian Pasca memberikan peratusan sebanyak 96.98%. Selain itu, didapati kerjasama ibu bapa dan komuniti terhadap setiap program yang dijalankan di sekolah telah mewujudkan hubungan yang lebih baik antara ibu bapa dengan pihak sekolah. Data peningkatan dibuktikan melalui peratusan kehadiran ibu bapa di dalam sistem e-sarana.

Kata Kunci: Pelibatan ibu bapa, transformasi, kafe siber

LATAR BELAKANG

Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK) telah diberi penekanan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 di dalam anjakan yang ke sembilan. PIBK merangkumi kepada pelibatan ibu bapa, komuniti dan pihak swasta dalam memperkasakan sekolah. Kajian antarabangsa menunjukkan dengan jelas bahawa proses pembelajaran turut berlaku di luar sekolah, termasuk di rumah dan dalam komuniti. Di Malaysia, kira-kira satu perempat daripada masa murid yang berumur antara 7 hingga 17 tahun dihabiskan di sekolah. Perkongsian tanggungjawab di antara ibu bapa, komuniti dan sekolah merupakan satu inisiatif utama dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang berkualiti untuk murid-murid.

Secara umumnya, di dapati pelibatan ibu bapa khususnya di dalam setiap program atau aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah amat rendah dan kurang memberangsangkan. Suasana ini mempengaruhi pencapaian sekolah di dalam setiap bidang seperti kurikulum, kokurikulum dan hal ehwal murid.

Kajian antarabangsa menunjukkan bahawa pelibatan ibu bapa sama ada di rumah atau di sekolah memberi impak yang besar terhadap pendidikan anak-anak. Menurut Siti Fatimah Abdul Rahman (2006), terdapat kajian yang membuktikan bahawa ada kaitan antara pelibatan ibu bapa dengan pencapaian akademik kanak-kanak. Pelibatan ibu bapa secara langsung atau tidak langsung akan memberikan kesan yang positif terhadap

perkembangan anak-anak antaranya sikap bersungguh-sungguh dalam aktiviti pembelajaran di samping menunjukkan tingkah laku yang lebih baik dan seimbang. Menurut Bakker dan Denesen (2007), pelibatan ibu bapa dan komuniti merujuk kepada pelbagai tingkah laku ibu bapa dan komuniti yang secara langsung dan tidak langsung dalam mempengaruhi perkembangan kognitif, emosi, fizikal dan pencapaian anak-anak di sekolah. Menurut Bakker dan Denesen lagi, tingkah laku ibu bapa merangkumi kehadiran ibu bapa dalam mesyuarat PIBG, menjadi ahli aktif dalam PIBG, menjadi sukarelawan di sekolah, membantu dalam bilik darjah, membantu kerja rumah anak, berbincang tentang aktiviti sekolah dengan anak, memantau perkembangan anak di sekolah, merangsang dan memotivasi anak, menghubungi sekolah sekiranya bermasalah, mengawal aktiviti anak di luar waktu persekolahan dan kerap berbual-bual dengan anak.

MASALAH KAJIAN

Ibu bapa di Sekolah Kebangsaan Beruas didapati kurang melibatkan diri dalam program atau aktiviti yang melibatkan pendidikan anak-anak. Perkara ini dapat dinilai melalui data e-sarana bagi 6 aktiviti utama pelaksanaan Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK) iaitu;

- (1) Hari Pendaftaran (Tahun 1)
- (2) Hari Penetapan Target (UPSR)
- (3) Mesyuarat Agung PIBG
- (4) Hari Pelaporan
- (5) Hari Sukan
- (6) Hari Anugerah

Terdapat banyak faktor yang menyebabkan wujudnya masalah sikap tidak cakna ibu bapa terhadap program atau aktiviti yang dijalankan di sekolah. Antara sebab-sebab ibu bapa kurang melibatkan diri di dalam aktiviti PIBG atau sekolah adalah kekangan masa, kurang kesediaan untuk pelibatan, tidak mahu bersuara semasa mesyuarat kerana segan dan kurang berminat terhadap masalah sekolah (M. Al Muz-Zammil & Moong, 2010). Menurut Lareau (2000) kekangan masa menyebabkan ibu bapa kurang peka terhadap peranan mereka dengan pendidikan anak-anak dan membiarkan mereka belajar tanpa seliaan.

Faktor pelibatan ibu bapa dalam kajian tentang pelibatan ibu bapa sering menekankan perkara seperti komunikasi antara ibu bapa dan guru (Deslanders, Royer, Turcotte, & Bertrand, 1997). Faktor komunikasi ini merangkumi penyampaian maklumat kepada kumpulan sasar dan jenis alat komunikasi yang digunakan. Ketidakterlibatan ibu bapa terhadap aktiviti sekolah berpunca daripada komunikasi kurang berkesan dan tidak sampai kepada kumpulan sasar. Selain itu, jenis alat komunikasi yang tidak cekap akan menyebabkan berlakunya kecairan maklumat.

Demografi penduduk dalam aspek ekonomi dan petempatan juga menjadi faktor kepada kurangnya penyertaan ibu bapa di dalam aktiviti sekolah. Kebanyakan keluarga tinggal di kawasan pedalaman dan jauh daripada sekolah. Kemudahan teknologi seperti telefon bimbit dan internet juga tiada. Faktor ini menyumbang kepada bilangan yang sedikit dalam kehadiran dan penyertaan ibu bapa terhadap aktiviti anjuran sekolah atau pun PIBG.

Usaha dalam meningkatkan pelibatan ibu bapa dengan aktiviti di sekolah sangat mencabar kerana pelibatan sebenar bukan merujuk kepada sekadar kehadiran ibu bapa dalam sesuatu aktiviti tetapi turut merujuk kepada kuasa memperkasakan sekolah. Oleh itu,

situasi ini telah membuka pintu tindakan luas pihak pentadbir sekolah dalam menyediakan persekitaran yang kondusif untuk menjalinkan hubungan kerja positif antara sekolah dengan ibu bapa, komuniti dan pelbagai agensi luar. Sehubungan dengan maklum balas yang diterima, pihak pentadbir sekolah merasakan membina hubungan yang baik adalah asas utama. Oleh itu, suatu transformasi telah dilakukan dengan cara membina sebuah kafe siber dengan tujuan membantu ibu bapa yang berkeperluan terhadap kemudahan internet. Selain itu, kemudahan teknologi yang ada sekarang dimanfaatkan sebaik mungkin bagi menyampaikan maklumat atau informasi terkini kepada ibu bapa secara lebih berkesan. Menggunakan aplikasi 'WhatsApp' adalah salah satu kaedah peningkatan interaksi antara pihak ibu bapa dan guru.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Menentukan keberkesanan kafe siber dan aplikasi TMK ke atas peningkatan kehadiran ibu bapa pada Hari Pendaftaran Tahun 1.
2. Menentukan keberkesanan kafe siber dan aplikasi TMK ke atas peningkatan kehadiran ibu bapa pada Hari Penetapan Target UPSR.
3. Menentukan keberkesanan kafe siber dan aplikasi TMK ke atas peningkatan kehadiran ibu bapa pada Mesyuarat Agung PIBG.
4. Menentukan keberkesanan kafe siber dan aplikasi TMK ke atas peningkatan kehadiran ibu bapa pada Hari Pelaporan.
5. Menentukan keberkesanan kafe siber dan aplikasi TMK ke atas peningkatan kehadiran ibu bapa pada Hari Sukan.
6. Menentukan keberkesanan kafe siber dan aplikasi TMK ke atas peningkatan kehadiran ibu bapa pada Hari Anugerah.

KAEDAH KAJIAN

Kaedah eksperimental ujian pra dan ujian pasca digunapakai bagi melihat punca kepada kurangnya pelibatan ibu bapa dalam aktiviti sekolah. Set borang soal selidik telah diedarkan kepada 100 sampel yang dipilih secara rawak. Hasil daripada soal selidik yang telah dianalisis, suatu tindakan yang lebih realistik dan memberikan impak yang lebih baik akan dilakukan.

Kaedah eksperimental pula dilakukan bagi melihat secara keseluruhan keberkesanan transformasi yang dijalankan melalui pembinaan kafe siber dan aplikasi TMK di sekolah. Kajian dijalankan melalui kaedah ujian pra dan ujian pasca iaitu sebelum kajian dan selepas kajian.

DAPATAN KAJIAN

Analisis data dibahagikan kepada dua peringkat iaitu;

a) Peringkat 1: Analisis Punca

Pada peringkat ini, pengkaji telah menggunakan borang soal selidik bagi mendapatkan secara terperinci punca berlakunya kekurangan pelibatan ibu bapa terhadap aktiviti- aktiviti anjuran sekolah.

b) Peringkat 2: Analisis Keberkesanan

Analisis data digunakan bagi melihat keberkesanan siber kafe dan aplikasi TMK sebagai salah satu faktor peningkatan pelibatan ibu bapa terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan di sekolah

Peringkat 1: Analisis Punca

Jadual 1.

Bilangan sampel kajian mengikut jantina

	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Terkumpul
Lelaki	48	48%	48%
Perempuan	52	52%	100%
Jumlah (N)	100		

Berdasarkan Jadual 1, bilangan sampel perempuan melebihi 4% berbanding sampel lelaki. Bilangan yang hampir seimbang akan memudahkan kajian tanpa ada *bias*. Jumlah sampel perempuan adalah sebanyak 52% dan sampel lelaki adalah 48%.

Jadual 2.

Bilangan sampel kajian mengikut jumlah pendapatan bulanan keluarga

	Kekerapan	Peratus	Peratus Terkumpul
RM100 – RM500	15	15%	15%
RM501 – RM1000	63	63%	78%
RM1001 – RM1500	12	12%	90%
RM1501 – RM2000	7	7%	97%
RM2000 dan lebih	3	3%	100%

Berdasarkan jadual 2, peratusan tertinggi bagi jumlah pendapatan bulanan keluarga adalah pada antara RM501 hingga RM1000. Kadar pendapatan berkenaan adalah bertepatan dengan jumlah penduduk yang bekerja sendiri dan merupakan majoriti dalam penduduk sekitar Beruas.

Jadual 3.

Bilangan sampel kajian mengikut jarak kediaman

	Kekerapan	Peratus	Peratusan Terkumpul
01 km - 05 km	13	13%	13%
05 km – 10 km	54	54%	67%
11 km – 15 km	26	26%	93%
16 km – 20 km	5	5%	98%
21 km dan lebih	2	2%	100%

Jadual 3 menunjukkan bilangan sampel kajian mengikut jarak kediaman dengan sekolah. Jarak ditentukan mengikut 5 peringkat iaitu daripada 1 km hingga 21 km dan lebih. Jumlah peratusan tertinggi bagi kediaman dengan sekolah adalah pada jarak 5 hingga 10km dengan jumlah 54%. Terdapat juga 2% sampel yang tinggal jauh daripada sekolah iaitu pada jarak 21km dan lebih.

Jadual 4.

Bilangan sampel kajian mengikut pekerjaan bapa

	Kekerapan	Peratus	Peratusan Berkumpul
Bekerja Sendiri	78	78%	78%
Kakitangan Kerajaan	10	10%	88%
Kakitangan Swasta	12	12%	100%
Tidak Bekerja	0	0%	100%
Jumlah (N)	100		

Peratusan tertinggi bagi kategori pekerjaan bapa adalah 78% iaitu sampel yang bekerja sendiri. Tiada data yang menunjukkan sampel tidak bekerja. Majoriti penduduk merupakan petani dan penoreh getah.

Jadual 5.

Bilangan sampel kajian dengan sebab tidak hadir aktiviti sekolah

	Kekerapan	Peratus	Peratusan Berkumpul
Bekerja / Bertugas	15	15%	15%
Tidak Mendapat Maklumat	73	73%	88%
Malu Untuk Turut Serta	7	7%	95%
Tidak Berminat	5	5%	100%
Jumlah (N)	100	100%	

Berdasarkan kepada data yang dianalisis, satu perkara yang paling ketara selepas soal selidik yang dijalankan terhadap ibu bapa secara rawak adalah masalah komunikasi. Melalui soal selidik, 73% ibu bapa memaklumkan bahawa mereka tidak mendapat maklumat yang jelas daripada anak-anak berkaitan aktiviti yang dijalankan dan menjadi punca kepada ketidakhadiran atau pelibatan mereka dalam program-program sekolah. Hanya 15% yang bekerja atau bertugas ketika aktiviti dijalankan, 7% menyatakan malu untuk turut serta dan 2% yang tidak berminat untuk menghadiri aktiviti-aktiviti sekolah.

Faktor tertinggi adalah tidak mendapat maklumat. Faktor ini telah menjadi aspek utama kepada mewujudkan sistem komunikasi yang lebih efektif bagi menyelesaikan masalah ketidakhadiran ibu bapa dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan di sekolah.

Berdasarkan pemerhatian, didapati bahawa masalah hubungan antara pihak sekolah dengan ibu bapa atau komuniti agak renggang. Faktor ini juga turut memberi kesan kepada pelibatan ibu bapa terhadap semua aktiviti sekolah. Menurut (Chadwick, 2014) membina hubungan baik akan dapat mengurangkan sikap pengasingan diri terhadap individu dan organisasi.

Bagi menyelesaikan masalah yang berlaku dan mengelakkan daripada terus berpanjangan, suatu tindakan perlu diambil. Sehubungan dengan itu, hasil perbincangan bersama antara pihak pentadbiran, guru-guru dan AJK PIBG telah memutuskan supaya penekanan diletakkan kepada sistem komunikasi yang lebih efektif. Hasil perbincangan telah menetapkan 3 perkara asas ke arah sistem komunikasi dan penyampaian lebih berkesan serta mampu meningkatkan hubungan baik antara masyarakat dan pihak sekolah adalah;

a) Membina kafe siber

Tujuan utama pembinaan kafe siber adalah untuk membantu ibu bapa yang tiada kemudahan internet di rumah untuk mengakses internet bagi mengisi borang atau apa-apa keperluan lain melalui bantuan guru. Ibu bapa juga boleh berinteraksi dengan guru-guru secara lebih santai tanpa rasa segan silu kerana kedudukan kafe siber yang strategik. Selain itu, murid-murid dapat menggunakan kafe siber untuk mengakses frog VLE pada waktu rehat.

b) Mewujudkan 'WhatsApp Group'


'WhatsApp Group' yang dibentuk terdiri daripada semua guru, AJK PIBG dan semua ibu bapa yang mempunyai anak bersekolah di SK Beruas. Tujuan 'WhatsApp Group' dibentuk adalah untuk memastikan maklumat berkaitan aktiviti sekolah diterima secara langsung oleh ibu bapa tanpa melalui orang lain. Semua ibu bapa mempunyai kemudahan telefon bimbit dan telah memudahkan segala maklumat selain daripada aktiviti sekolah dihantar terus kepada kumpulan sasaran.

c) Borang Penilaian Melalui 'Google Form'

Borang penilaian ini boleh diisi oleh ibu bapa selepas setiap program atau aktiviti di sekolah dilaksanakan melalui atas talian. Tujuan borang ini dibentuk adalah untuk membolehkan pihak sekolah mendapatkan maklum balas daripada ibu bapa bagi setiap aktiviti untuk dilakukan penambahbaikan pada aktiviti yang akan datang.


Peringkat 2: Analisis Keberkesanan

Bagi melihat keberkesanan transformasi yang dijalankan ke arah peningkatan pelibatan ibu bapa terhadap aktiviti-aktiviti sekolah, data Sarana Ibu Bapa secara atas talian diguna pakai. Analisis keberkesanan merupakan ujian pasca bagi kajian ini yang dilakukan pada tahun 2018 dan ujian pra adalah pada tahun 2016. Analisis perbandingan peratusan ditunjukkan melalui rajah-rajah berikut:




Rajah 1. Perbandingan peratusan Hari Pendaftaran Tahun 1 bagi tahun 2016 hingga 2018

Berdasarkan Rajah 1 didapati bahawa peningkatan kehadiran ibu bapa ke Hari Pendaftaran Tahun 1 meningkat sebanyak 4.09% kepada 100% pada tahun 2018 berbanding tahun 2016. Pelibatan semua ibu bapa pada hari tersebut telah memudahkan pihak sekolah menyampaikan maklumat kepada kumpulan sasaran sepenuhnya tanpa ada yang tertinggal seperti yuran persekolahan, peraturan sekolah dan sebagainya.




Rajah 2. Perbandingan peratusan Hari Penetapan Target bagi tahun 2016 hingga 2018

Berdasarkan aktiviti 2, Hari Penetapan Target UPSR dilihat berlaku peningkatan yang lebih tinggi pada tahun 2018 berbanding tahun 2016 iaitu sebanyak 13.06% iaitu kehadiran 100% ibu bapa pada hari tersebut. Peningkatan kehadiran telah mula dilihat pada tahun 2017 namun begitu masih belum mencapai kehadiran sepenuhnya.




Rajah 3. Perbandingan peratusan Mesyuarat Agung PIBG bagi tahun 2016 hingga 2018

Rajah 3 menunjukkan peratus kehadiran ibu bapa pada Mesyuarat Agung PIBG bagi tahun 2016, 2017 dan 2018. Jumlah kehadiran masih belum mencapai 100% tetapi graf peratusan menunjukkan peningkatan yang sangat baik iaitu 13.35% bagi tahun 2018 berbanding 2016. Mahat (2007), berpandangan bahawa sekolah perlu mempunyai jaringan hubungan yang mantap dan akrab dengan ibu bapa untuk kejayaan sistem pendidikan negara. Melalui kehadiran yang tinggi dalam Mesyuarat Agung PIBG, banyak perkara yang boleh dibincangkan dan secara tidak langsung membantu ke arah peningkatan dan kecemerlangan sekolah.




Rajah 4. Perbandingan Peratusan Hari Pelaporan bagi tahun 2016 dan 2017

Berdasarkan Rajah 4, didapati kehadiran ibu bapa bagi Hari Pelaporan meningkat sebanyak 2.83%. Peningkatan yang baik dan menunjukkan keprihatinan ibu bapa terhadap pencapaian akademik anak-anak semakin meningkat. Data bagi tahun 2018 tidak ditunjukkan kerana masih belum dilaksanakan.



Rajah 5. Perbandingan peratusan Hari Sukan Tahunan bagi tahun 2016 hingga 2018

Pelibatan dan kehadiran ibu bapa bagi aktiviti Hari Sukan Sekolah sangat memberangsangkan. Pada tahun 2016, hanya 82.99% sahaja dicatatkan kehadiran. Namun begitu peningkatan telah mula ditunjukkan pada tahun 2017 iaitu sebanyak 11.66%. Pada tahun 2018, kehadiran 100% telah dicatatkan dan merupakan pencapaian tertinggi berbanding tahun-tahun sebelum.



Rajah 6. Perbandingan peratusan Hari Anugerah Cemerlang bagi tahun 2016 hingga 2018

Peningkatan kehadiran ibu bapa bagi aktiviti Hari Anuegrah Cemerlang juga menunjukkan peningkatan yang sangat baik. Hampir semua ibu bapa hadir pada tahun 2017 berbanding hanya 85.68% sahaja yang hadir pada tahun 2016. Peratusan kehadiran bagi tahun 2018 tidak dicatatkan kerana masih belum dilaksanakan.

Merujuk kepada segala dapatan yang ditunjukkan, didapati tindakan transformasi yang dilakukan telah memberi impak yang sangat baik terhadap kehadiran dan sokongan ibu bapa kepada aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah dan PIBG. Melalui dapatan daripada soal selidik yang dijalankan pada awal 2017 dan menjadikan data 2016 sebagai panduan, perubahan yang dibuat merangkumi beberapa perkara iaitu:

- i) Pembinaan Siber Kafe dijadikan sebagai tempat untuk membantu ibu bapa yang memerlukan kemudahan internet bagi mengisi borang-borang secara atas talian seperti kemasukan ke asrama penuh, Kemasukan ke Tingkatan 1, BR1M dan sebagainya.
- ii) Fungsi Siber Kafe diperluaskan dengan dijadikan sebagai tempat pertemuan antara ibu bapa dan guru pada bila-bila masa. Segala perkara berkaitan persekolahan boleh dibincangkan bersama secara santai.
- iii) Penggunaan Aplikasi 'WhatsApp' disebarluaskan kepada semua ibu bapa bagi menyampaikan maklumat dan aktiviti di sekolah secara terus tanpa melalui anak.
- iv) Menggunakan 'Google Form' bagi mendapatkan maklum balas daripada ibu bapa terhadap setiap aktiviti atau program yang dijalankan dengan tujuan supaya segala kelemahan dapat diatasi dan dibaiki pada aktiviti yang akan datang.

KESIMPULAN

Transformasi pengurusan dan kepimpinan telah dilakukan berdasarkan kajian yang dijalankan. Impak kepada perubahan ini, pelibatan ibu bapa terhadap program-program sekolah telah menunjukkan peningkatan yang sangat baik dan telah membawa kepada iklim yang lebih positif dalam aspek hubungan dan kerjasama antara pihak sekolah dan ibu bapa. Namun begitu, selain daripada menjadikan kafe siber sebagai pemangkin kepada perubahan yang ditunjukkan oleh pihak ibu bapa terhadap semua aktiviti sekolah, terdapat beberapa aspek yang menguatkan lagi hubungan antara sekolah, PIBG dan masyarakat yang turut membantu ke arah peningkatan pelibatan ibu bapa iaitu:

1) Kunjungan silaturrahim

Pihak sekolah dan PIBG telah mengadakan program Kunjungan Silaturahim bagi mengeratkan hubungan antara ibu bapa dan sekolah. Masyarakat disantuni melalui memberi sumbangan beras kepada keluarga miskin dan membantu membersihkan rumah mangsa banjir.



2) Program Jaringan dan Jalinan PIBG Peringkat Kebangsaan

Jika ingin berjaya, tiru orang yang berjaya. Pihak sekolah dan PIBG memegang kata-kata tersebut bagi meningkatkan keupayaan dan peranan semua melalui program jaringan dan jalinan. Pihak sekolah dan PIBG telah mengada jalinan dan jaringan kerjasama dengan sekolah-sekolah berikut;

- i. SK Lingga Baru, Tuaran, Sabah
- ii. SK Dato' Wan Kemara, Kodiang, Kedah



3) Program Gotong-royong

Beberapa program gotong-royong telah diadakan bagi membina hubungan dan menarik minat ibu bapa untuk berada di sekolah. Selain itu, mereka merasakan bahawa mereka turut memberi sumbangan kepada pihak sekolah. Aktiviti gotong-royong yang dijalankan adalah mengecat dinding sekolah, menghias kelas, memasak untuk program kecemerlangan dan keagamaan.



4) Mengiktiraf Ibu Bapa

Dalam program-program yang bersesuaian, ibu bapa yang memberikan sumbangan tenaga atau kewangan akan dijemput untuk menyampaikan hadiah kepada murid- murid sebagai usaha menghargai dan mengiktiraf usaha mereka membantu sekolah. Secara tidak langsung, hubungan yang lebih baik dapat dibina.



5) Memperkasakan PIBG

Setiap ahli jawatankuasa PIBG yang dilantik telah memainkan peranan yang sangat baik atas kesedaran mereka terhadap pentingnya hubungan yang baik antara sekolah, PIBG dan komuniti. Hasil daripada kerja kuat dan usaha yang berpanjangan, PIBG SK Beruas telah dianugerahkan sebagai Ikon PIBG Negeri Perak bagi tahun 2018 dan telah dijemput untuk menjayakan program Jelajah Kementerian Pendidikan sebanyak dua kali dan dua program peringkat Negeri Perak.



Secara keseluruhannya dapatlah dibuat kesimpulan bahawa perubahan yang dilakukan melalui pembinaan kafe siber dan meningkatkan penggunaan aplikasi *whatsApp* telah membantu meningkatkan pelibatan ibu bapa khususnya 6 aktiviti utama PIBK di SK Beruas. Walaupun bukan faktor utama tetapi merupakan salah satu aspek penyumbang kepada peningkatan peratusan di dalam data e-sarana.

RUJUKAN

- Bakker, J., & Denessen, E. (2007). The concept of parent involvement. Some theoretical and empirical considerations. *International Journal about Parents in Education*, 1(0), 188-189
- Chadwick, K.G (2004). *Improving schools through community engagement: A practical guide for education*. Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Deslandes, R., Royer, E., Turcotte, D., & Bertrand, R. (1997). School achievement at the secondary level: Influence of parenting style and parent involvement in schooling. *McGill Journal of Education*, 32, 191 – 207.
- Lareau, A. (2000). *Home advantage: Social class and parental intervention in elementary education*. Lanham, MD: Roman & Littlefield